

Bengkel Sehari "Kepimpinan JKKKP Pemangkin Pembangunan Masyarakat dan Negara"
Berlangsung Dengan Jayanya

Northern Corridor Research Centre (NCRC)

Telah Dihantar: 02 Mac 2011 14:30

Kepada: UUM - All Staff; UUM All Students

Sk: Northern Corridor Research Centre (NCRC)

02 Mac 2011 / 27 Rabiul Awal 1432 H

=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Bengkel Sehari "Kepimpinan JKKKP Pemangkin Pembangunan Masyarakat dan Negara" Berlangsung Dengan Jayanya

NCRC Online : **Northern Corridor Research Centre (NCRC)** dengan kerjasama Pejabat Pembangunan Persekutuan Negeri Kedah, Jabatan Perdana Menteri telah menganjurkan Bengkel Sehari "Kepimpinan JKKKP Pemangkin Pembangunan Masyarakat dan Negara" pada Ahad 27hb Februari 2011 yang lalu bertempat di Hotel EDC-UUM.

Bengkel tersebut telah dihadiri seramai 110 orang peserta yang terdiri daripada Pengerusi dan Ahli Jawatankuasa JKKKP yang terpilih dari seluruh negeri Kedah termasuk beberapa orang wakil dari Majlis Belia Malaysia Negeri Kedah.

Upacara perasmian bengkel tersebut telah disempurnakan oleh Setiausaha Sulit Timbalan Menteri Perindustrian dan Asas Tani, Encik Zulfetri bin Yacob yang telah membacakan teks ucapan YB Dato' Wira Johari Bin Baharum.

Dalam ucapan perasmianya, beliau menyeru kepada seluruh JKKKP untuk terus giat memberi khidmat kepada masyarakat setempat dan di kampung masing-masing demi mencapai hasrat Kerajaan Persekutuan melalui gagasan 1Malaysia, Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan.

Beliau juga meminta agar peserta bengkel dapat menumpukan perhatian serius seterusnya memanfaatkan ilmu akademik yang diperolehi dari bengkel sehari anjuran NCRC, UUM ini untuk menjadi panduan dalam tugas yang diamanahkan oleh pihak kerajaan.

Beliau turut mengucapkan terima kasih kepada UUM khasnya NCRC kerana sudi menganjurkan sebuah bengkel akademik seumpama itu demi untuk penambahan ilmu kepada para JKKKP Negeri Kedah dan program-program seumpama ini akan diteruskan dari masa ke semasa.

Bengkel tersebut telah dikendalikan oleh Prof. Madya Dr. Ahmad Martadha bin Mohamed, Dekan Pembangunan Pelajar dan Keusahawanan, UUM COLGIS. Bengkel ini telah dipecahkan kepada tiga sesi iaitu sesi pertama ceramah berkaitan aspek kepimpinan, sesi kedua ceramah mengenai aspek